



JAWA
MALAYSIA

KETERANGAN PINDAAN

Pindaan		Muka surat/ Klausa / Perenggan	Butir-Butir Pindaan Yang Dibuat	Pindaan Diluluskan Oleh
No	Tarikh			
1.				
2.				
3.				
4.				
5.				
6.				

DOKUMEN TIDAK TERKAWAL



1.0 OBJEKTIF

Prosedur ini menggariskan tatacara Cawangan Perkembangan Kesihatan Awam (CPKA), Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya (JKWPKL&P) dalam menguruskan permohonan penggunaan fasiliti-fasiliti kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia di bawah JKWPKL&P bagi tujuan latihan pelajar pusat pengajian dari dalam dan luar negara agar dapat diuruskan dengan lancar, sistematik dan efisien.

2.0 SKOP

Prosedur ini dibuat sebagai panduan kepada Ketua Penolong Pengarah Kanan/ Ketua Penolong Pengarah/ Penolong Pengarah Kanan dan Pembantu Tadbir Latihan di CPKA yang terlibat dalam pengurusan permohonan latihan pelajar-pelajar pusat pengajian dari dalam dan luar negara di fasiliti-fasiliti kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia di bawah JKWPKL&P.

3.0 RUJUKAN

3.1 Manual Kualiti : JKWPKL&P-MK-01

4.0 DEFINISI

4.1 Pusat Pengajian

Pusat pembelajaran meliputi Universiti, Institut dan Kolej dari dalam dan luar negara.

4.2 Pelajar

Individu yang sedang mengikuti pembelajaran/ latihan di pusat pengajian.

4.3 Latihan

Pembelajaran untuk mendapatkan pendedahan, pengalaman dan kemahiran klinikal di mana pelajar mengaplikasikan pembelajaran teori kepada praktikal yang telah dirangka dan ditetapkan oleh pusat pengajian.

4.4 Fasiliti KKM

Fasiliti yang memenuhi kriteria dan diperakukan sebagai tempat latihan oleh Jawatankuasa Penggunaan Fasiliti, KKM.

4.5 Jawatankuasa Penggunaan Fasiliti KKM

Jawatankuasa induk di peringkat Kementerian yang mengurus, memantau dan meluluskan penggunaan fasiliti.



4.6 Pembantu Tadbir Latihan

Individu yang membantu KPPK/KPP/PKK CPKA menjalankan tugas-tugas yang berkaitan dengan kursus/ latihan anggota Bahagian Kesihatan Awam, JKWPKL&P serta menguruskan permohonan latihan pelajar-pelajar pusat pengajian.

4.6 Pejabat Kesihatan

Mana-mana Pejabat Kesihatan (PK) yang berada di bawah Pentadbiran JKWPKL&P iaitu PK Cheras, PK Lembah Pantai, PK Kepong, PK Titivangsa dan PK Daerah Putrajaya.

5.0 SINGKATAN

5.2 Jawatan

PKN	- Pengarah Kesihatan Negeri
TPKN(KA)	- Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam)
KPPK	- Ketua Penolong Pengarah Kanan
KPP	- Ketua Penolong Pengarah
PPK	- Penolong Pengarah Kanan
PT	- Pembantu Tadbir

5.1 Pentadbiran

KKM	- Kementerian Kesihatan Malaysia
JKWPKL&P	- Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya
CPKA	- Cawangan Perkembangan Kesihatan Awam
PK	- Pejabat Kesihatan



6.0 TANGGUNGJAWAB DAN TINDAKAN

Pengurusan permohonan latihan pelajar pusat pengajian dalam dan luar negara.

AKTIVITI/ PROSES	TINDAKAN
1. Surat permohonan latihan pelajar pusat pengajian diterima CPKA.	KPPK/KPP/PPK/PT Latihan
2. Menyemak dan memastikan maklumat latihan yang lengkap diperolehi berdasarkan senarai semak yang disediakan.	KPPK/KPP/PPK/PT Latihan
3. Menyemak status <i>Memorandum of Agreement</i> (MoA) terkini (pusat pengajian dalam negara).	KPPK/KPP/PPK/PT Latihan
4. Menyemak dokumen sokongan dari universiti (bagi pelajar luar negara).	KPPK/KPP/PPK/PT Latihan
5. Menghubungi pemohon bagi mendapatkan butiran lengkap (sekiranya perlu).	KPPK/KPP/PPK/PT Latihan
6. Pendaftaran permohonan latihan yang lengkap di dalam Buku Pendaftaran Permohonan Latihan Pusat Pengajian.	KPPK/KPP/PPK/PT Latihan
7. Menyemak kesediaan tempat latihan (Cawangan, Unit atau PK) untuk menerima pelajar.	KPPK/KPP/PPK/PT Latihan
8. Menyediakan surat maklumbalas permohonan.	KPPK/KPP/PPK/PT Latihan
9. Semakan dan pengesahan TPKN(KA)	TPKN(KA)
10. Semakan dan tandatangan PKN	PKN
11. Penghantaran maklumbalas permohonan melalui pos, emel atau fax.	KPPK/KPP/PPK/PT Latihan
12. Bukti penghantaran maklumbalas dikepilkan bersama surat permohonan dan disimpan di dalam Fail JKWPKL/204/1 - Penggunaan Kemudahan Fasilitas Kesehatan Oleh Universiti Swasta/ Kerajaan.	PT Latihan



7.0 LAMPIRAN

7.1 Senarai semak permohonan latihan pelajar pusat pengajian.

8.0 REKOD KUALITI

NAMA REKOD	LOKASI	TEMPOH
1. Buku Pendaftaran Permohonan Latihan Pusat Pengajian	Ruang Kerja PT Latihan	3 tahun
2. Fail JKWPKL/204/1 - Penggunaan Kemudahan Fasiliti Kesihatan Oleh Universiti Swasta/ Kerajaan.	Bilik Zamrud	3 tahun

DOKUMEN TIDAK TERKAWAL